

10 JUN 1996  
LEAD Sanusi - MB '''  
SANUSI JUNID MB KEDAH YANG BARU

KUALA LUMPUR, 10 Jun (Bernama) -- Bekas Menteri Pertanian Datuk Seri Sanusi Junid hari ini diumumkan sebagai Menteri Besar Kedah yang baru, menggantikan Tan Sri Osman Aroff.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memperoleh perkenan Sultan Kedah bagi perlantikan itu, menurut kenyataan Ketua Setiausaha Sulit kepada Perdana Menteri, Datuk Abdul Aziz Ismail, petang ini.

Tarikh angkat sumpah Sanusi akan diuruskan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Kedah dan Istana Anak Bukit.

Sanusi menerima surat perlantikannya daripada Dr Mahathir di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz pagi ini sebelum Perdana Menteri berlepas ke luar negara untuk bercuti selama tiga minggu.

Ditemui di kediamannya di Alor Setar petang ini, Sanusi berkata beliau bersyukur dengan perlantikannya dan mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana memberi kepercayaan kepadanya.

"Saya menganggap perlantikan ini sebagai satu pembedahan caesarian yang dilakukan oleh seorang doktor pakar," kata beliau, merujuk kepada rintangan-rintangan yang beliau lalui sebelum ini.

Sanusi kembali ke Alor Setar petang ini dan kebetulannya pada hari ini berlangsung kenduri kahwin adik iparnya di kediaman beliau di Jalan Sultanah.

Sementara itu tengah hari tadi, Osman yang telah mengemukakan perletakan jawatan kepada Perdana Menteri, mengumumkan bahawa perletakan jawatannya akan berkuatkuasa Ahad ini (16 Jun).

Beliau mengumumkan demikian kepada pemberita pada 2.40 petang selepas mengadakan perjumpaan hampir sejam dengan 28 Anggota Dewan Undangan Negeri Kedah daripada Barisan Nasional (BN) di Bilik Gerakan Negeri, Wisma Darul Aman.

Osman berkata beliau membuat pengumuman itu selepas mendapat persetujuan daripada Perdana Menteri pada satu perjumpaan di Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, Khamis lepas.

Osman berkata: "Saya dengan sukacita mengumumkan bahawa saya, setelah berbincang dan seterusnya mendapat persetujuan daripada YAB Perdana Menteri, maka saya telah membuat keputusan untuk meletakkan jawatan Menteri Besar Kedah pada 16 Jun.

"Ini bererti hari terakhir saya berkhidmat sebagai Menteri Besar ialah pada 15 Jun.

"Saya berharap semua ahli Umno di Kedah dan juga wakil rakyat akan terus memberi sokongan yang padu dan tidak berbelah bagi kepada Presiden parti.

"Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada semua pihak iaitu wakil rakyat, pegawai kerajaan, ahli Umno dan semua ahli BN yang telah memberi kerjasama dan sokongan kepada saya sepanjang perkhidmatan saya sebagai Menteri Besar Kedah.

"Kepada semua rakyat dan pegawai kerajaan, sama ada di peringkat negeri mahupun persekutuan, saya juga merakamkan jutaan terima kasih."

Sanusi, 52, bertanding dan memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Kuah pada pilihan raya umum April tahun lalu selepas menerajui dua kementerian di peringkat pusat.

Kepulangan beliau untuk bergiat dalam politik peringkat negeri telah menimbulkan spekulasi bahawa beliau akan mengambil alih jawatan Menteri

Besar.

Bagaimanapun laluan baginya untuk mengambil alih teraju pentadbiran negeri penuh rintangan apabila 22 anggota Dewan Undangan Negeri dari Umno mendesak pucuk pimpinan parti mengekalkan Osman.

Mereka kemudian menarik balik desakan itu dan memohon maaf kepada Perdana Menteri dan menyerahkan kepadanya untuk melantik sesiapa sahaja yang beliau pilih.

Sebelum itu, Sanusi juga mengalami satu tamparan hebat apabila gagal mempertahankan jawatan ketua bahagian Umno Langkawi.

Namun demikian, masih ramai yang mengharapkan Sanusi, yang terkenal dengan idea-idea inovatif seperti kempen makan ulam dan usaha mempromosikan kelapa muda, mengetuai pentadbiran negeri untuk membawa Kedah ke tahap pembangunan yang lebih pesat.

Pengumuman perlantikan beliau sebagai Menteri Besar Kedah yang kelima sejak kemerdekaan hari ini menamatkan segala spekulasi.

Osman, 55, memimpin kerajaan negeri selama lebih 11 tahun sejak 1985 apabila beliau mengambil alih daripada Datuk Seri Syed Nahar Shahabuddin.

-- Bernama

SJ